

Usia cecah 67 tahun masih terus buru ilmu

Apr 16, 2017 | 05:30 AM

HARYANI ISMAIL



Kongsi



TELADAN BUAT WARGA SENJA: Cik Rokiah Omar menggagahkan diri agar tamat pengajian Sarjana Muda Syariah Islamiah daripada Universitas Islam Negeri, Sumatera Utara (UIN-SU) bagi menyuntik semangat pelajar kelas mengajinya yang sebaya. Bersama beliau ialah suaminya, Encik Ncatijan Wornoh. - Foto KHALID BABA

USIA senja yang mencecah 67 tahun dan kakinya yang sakit dan menghambat pergerakan pantas bukan penghalang bagi Cik Rokiah Omar memburu segulung ijazah.

Sepanjang tempoh pengajian dua tahun Sarjana Muda Syariah Islamiah yang diikuti menerusi program kerjasama Jamiyah dan Universitas Islam Negeri, Sumatera Utara (UIN-SU), Cik Rokiah Omar banyak bersenqkang mata.

Misinya ialah menambah ilmu tentang Islam dan sekali gus memperkasa pelajar kelas mengajinya yang merupakan orang dewasa dan warga senja termasuk pesakit disleksia dan individu kurang cerdas.

Tambahan pula, dalam kesibukan menyiapkan tesis dan mengulang kaji bagi peperiksaan, suaminya, Encik Ncatijan Wornoh, 65 tahun, dimasukkan ke hospital kerana penyakit kencing manis.

Semalam, Cik Rokiah adalah antara 18 lulusan Sarjana Muda (Syariah Islamiah) yang menerima ijazah di majlis Konvokesyen Jamiyah di Hotel Furama RiverFront.

Menceritakan jerih payahnya menimba ilmu, Cik Rokiah, nenek dua cucu yang pernah bertugas sebagai atendan meletak kereta berkata:

"Saya memang suka membaca dan ambil tahu perkembangan sekeliling khususnya ehwal Islam.

"Apabila mengenang zaman muda yang berlalu pergi tanpa kesempatan meneruskan pengajian ke menara gading, saya terdorong memburu ilmu pada usia 30-an tahun bermula dengan mendapatkan Sijil Pengajian Islam.

"Saya kemudian mendapatkan tiga diploma - dua dalam pengajian Islam dan satu dalam bahasa Arab, sebelum mengejar impian meraih ijazah sarjana muda."

Minat membantu warga senja sebaya celik Al-Quran dengan teknik yang berkesan mendorong dirinya mempertingkatkan pengetahuan.

Kini, beliau sedang mengikuti kursus Sijil Psikologi Islam dan Kaunseling di Al-Zuhri dan bertekad mengambil ijazah Sarjana Pengajian Islam pula sebagai meneruskan impiannya memahami kaedah pembelajaran yang boleh dimanfaatkan masyarakat.

Cik Rokiah, yang mempunyai tiga anak perempuan, menyiapkan tesis tentang peranan wanita Islam di Singapura yang menjadikan Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob, dan aktivis kesihatan, Dr Elly Sabrina Ismail, sebagai teladan.

"Saya berharap usaha saya juga akan menggalakkan jiran, teman dan masyarakat sebaya dengan saya khususnya wanita agar lebih bersemangat memburu ilmu yang boleh dikongsi dengan orang ramai.

"Walaupun diuji dengan penyakit atau suami sendiri berpenyakit kronik, keadaan ini tidak membuatkan saya mudah menyerah kalah kerana saya yakin menjadi warga senja yang aktif minda dan fizikalnya adalah lebih bermanfaat," jelasnya.

<http://www.beritaharian.sg/setempat/usia-cecah-67-tahun-masih-terus-buru-ilmu>